

Bersesuaian dengan slogan “Melawat Melaka Bererti Melawat Malaysia”, Melaka sememangnya terkenal sebagai destinasi pelancongan yang menarik dan bersejarah. Kemasyhuran elemen sejarah dan keunikan budaya berbilang kaum, seperti Melayu, Cina, India, Portugis, Baba Nyonya, Orang Asli dan sebagainya berjaya mengangkat martabat Melaka sebagai Bandaraya Warisan Dunia yang kian disegani di dunia.

Pelancongan merujuk aktiviti melawat, melancong atau mengembara melebihi 50 batu (83 kilometer) dari tempat kediaman dan tidak melebihi tempoh satu tahun untuk tujuan rekreasi atau mengisi masa lapang. Kepesatan kedatangan pelancong pada saban tahun dari dalam dan luar Melaka telah menjadi faktor penggerak kepada penjenamaan semula dan penambahan produk pelancongan tempatan. Sebagaimana yang kita ketahui, subsektor pelancongan Melaka terdiri daripada 13 komponen utama, iaitu kebudayaan, sejarah, rekreasi, beli-belah, konvensyen, kesihatan, sukan, pendidikan, pertanian, makan-makan, melaka rumah kedua, belia dan ekopelancongan.

Melaka kaya dengan pelbagai sejarah yang bukan sahaja berkisar pada sejarah Kesultanan Melayu Melaka, tetapi turun menyimpan sejarah bangsa dan budaya yang dapat dibuktikan dengan pelbagai kesan tinggalan yang selama ini menjadi pilihan utama para pelancong yang datang. Keunikan warisan budaya yang tiada di negeri lain di Malaysia, sama ada dalam bentuk tidak ketara (*intangible*) mahupun yang berbentuk ketara (*tangible*) menjadi daya penarik utama ke negeri Hang Tuah ini.

Membicarakan aspek pelancongan Melaka dari segi sejarah dan budaya, sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa sejarah merupakan tunjang bagi memperkukuh kesinambungan pembinaan sesebuah negara. Bagi

Subsektor Pelancongan Sejarah dan Budaya Melaka

PENGIKTIRAFAN Melaka sebagai Bandaraya Warisan Dunia oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada 7 Julai 2008 telah memberikan ruang dan peluang kepada banyak pihak di Melaka untuk terus memeriahkan industri pelancongan dengan pelbagai aktiviti dan produknya yang tersendiri.



melengkapkan proses tersebut, muzium seharusnya menjadi saluran yang terbaik untuk merealisasikan selain pendidikan sejarah di sekolah yang merupakan teras penting dalam dasar pendidikan negara.

Secara tidak langsung, peranan yang dimainkan oleh institusi muzium dapat membantu dalam proses pemantapan kewarganegaraan bagi membolehkan sejarah bukan sahaja dihargai dan dihayati, malah menjadi elemen penting yang lain, iaitu sebagai pengajaran, pedoman ataupun asas perencanaan. Melalui sejarah, pengalaman masa lampau menjadi rujukan terbaik untuk generasi masa kini dan akan datang dalam membentuk sebuah negara bangsa.

Tergolong sebagai pemain industri pelancongan negeri di bawah subsektor Sejarah dan Kebudayaan, institusi muzium di Melaka terus berpegang pada matlamatnya, iaitu untuk memberikan serta membekalkan maklumat yang tepat bagi membentuk masyarakat berpengetahuan serta celik sejarah dan budaya sekali gus membentuk masyarakat yang berkeperibadian dan mempunyai jati diri yang tinggi. Bagi maksud ini, kewujudan muzium ataupun pameran di muzium tidaklah terhenti setakat dijadikan tatapan pelawat semata-mata, tetapi dihidupkan dengan pelbagai aktiviti sampingan yang memberikan impak yang lebih mendalam kepada pelancong.

Pada hakikatnya, muzium di Melaka merupakan barisan hadapan para pengunjung untuk mendapatkan maklumat mengenai negeri atau negara yang dilawati. Dengan berkunjung ke muzium, pelancong dapat mengenali negeri serta budaya dan sejarah penduduknya dalam jangka masa yang singkat. Oleh itu, muzium di negeri ini akan terus berusaha untuk melakukan transformasi daripada fungsi tradisionalnya, iaitu mengumpul,

menyelidik, menterjemah, mendokumenkan, memelihara serta mempamerkan bukti material berhubung dengan manusia dan persekitarannya kepada yang lebih berorientasikan kepada perkhidmatan yang menyenangkan (*service pleasure*). Muzium pada hakikatnya menjadi aset penting ke arah perkembangan industri pelancongan sesebuah negeri dan negara amnya. Cabaran utamanya adalah untuk menjadikan muzium sebagai tempat yang menyeronokkan dan menggembirakan.

Statistik kedatangan pelancong ke Melaka juga pada saban tahun menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan. Pada tahun 2019, sebanyak 18.72 juta orang pelancong melawat Melaka berbanding dengan 17.02 juta pada tahun 2018. Namun begitu, pada tahun 2020, kedatangan pelancong agak terjejas dengan situasi pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia. Pada awalnya, kerajaan menasarkannya sebanyak 5.6 juta orang pelancong hingga penghujung tahun 2020, namun sasaran tersebut masih belum dapat dicapai berikutan pandemik COVID-19 yang masih berlanjutan hingga kini.

PERANAN PERZIM

Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) sebagai agensi yang telah diamanahkan untuk memajukan muzium di Melaka akan terus bergerak secara korporat dalam memajukan sektor pelancongan melalui peranan dan pembangunannya dalam bidang permuziuman negeri. Pembangunan muzium baharu telah dirangka dan direalisasikan untuk mendukung aspirasi pelancongan dalam subsektor sejarah dan budaya.

Antara muzium yang menjadi tumpuan pelancong di Melaka termasuklah Muzium Sejarah dan Etnografi yang sememangnya di tempatkan di dalam sebuah bangunan bersejarah, iaitu Bangunan Stadthuys yang mempunyai 1001 cerita

mengenai sejarah zaman penjajahan Belanda di Melaka. Daya tarikan yang ada pada kebanyakan bangunan lama yang menempatkan muzium pelbagai tema ini secara tidak langsung menjadi muzium hidup bagi mereka yang meminati sejarah terutamanya dalam menghayati nilai sejarah dan estetika seni bina tertentu.

Selain Stadthuys, terdapat juga muzium lain yang turut ditempatkan di dalam bangunan yang kebanyakannya dikategorikan sebagai Bangunan Warisan seperti Muzium Pendidikan Melaka, Muzium Belia Malaysia, Muzium Sastera Malaysia, Muzium Islam Melaka, Muzium Setem Melaka, Muzium Yang di-Pertua Negeri Melaka, Muzium Pemerintahan Demokrasi dan Muzium Dunia Melayu Dunia Islam yang kebanyakannya berada di dalam Kompleks Warisan Melaka, iaitu di sekitar Bandar Hilir Melaka.

Selain itu, peranan muzium dan galeri lain di Melaka turut menyumbang kepada pelancongan subsektor sejarah. Misalnya Muzium Istana Kesultanan Melaka, Muzium Samudera (Replika Flor De La Mar), Muzium Tentera Laut Diraja Malaysia, Muzium Rakyat, Muzium Kecantikan, Muzium Layang-layang, Balai Seni Lukis Melaka, dan Galeri Seni Rakyat Melaka. Dengan dasar pelancongan negeri yang sentiasa diperbaharui, muzium baharu terus bertambah dengan penubuhan Muzium Pulau Besar, Muzium Kapal Selam, Muzium Hang Tuah dan Muzium Warisan Naning.

Sebagaimana definisi muzium yang telah digariskan oleh Majlis Muzium Antarabangsa (ICOM), muzium merupakan sebuah institusi yang bersifat tetap, tidak mencari keuntungan, memberikan khidmat kepada masyarakat dan perkembangannya, terbuka kepada umum, memperoleh, merawat, menghubungkan dan mempamerkan



Muzium Hang Tuah, di Perkampungan Duyung Melaka.

Sejarah dan budaya akan terus relevan dan unggul sebagai medium mempromosikan kekayaan sesebuah negeri dengan cara yang perlu diselarikan dengan kehendak semasa, lebih-lebih lagi dalam sektor pelancongan negara.

untuk tujuan pembelajaran, pendidikan dan hiburan, serta bukti tinggalan manusia dan persekitarannya.

Melalui koleksi bahan artifak bersejarah dan kajian antropologi yang dijadikan bukti kukuh yang dapat dilihat di muzium, turut membantu memberikan kefahaman kepada generasi muda dan masyarakat mengenai kegemilangan kerajaan yang telah dipertahankan sejak sekian lama. Biarpun terdapat berbagai-bagai bentuk tanggapan dan definisi yang berbeza terhadap institusi muzium di dunia, muzium di Melaka memainkan peranan yang penting seiring dengan perkembangan semasa tanpa menyetepikan fungsi asal dan tamadun asasnya.

Muzium di Melaka juga bagaikan terowong masa yang membawa pelancong mengembara ke sejarah silamnya bermula dari zaman Kesultanan Melayu Melaka hingga membawa ke zaman kolonial, perjuangan anticolonial seterusnya kemerdekaan tanah air, selain peristiwa bersejarah yang menjadi begitu penting kepada negara di dalam sebuah ruangan yang tertutup. Di sinilah tarikannya, di mana khazanah sejarah dan budaya kebendaan Melaka yang menjadi bukti kebendaan terhadap sejarah yang dicatatkan menjadi pusat rujukan dan tumpuan pelancong dari seantero dunia.

Selain lawatan secara terus ke muzium, program khidmat masyarakat (*outreach program*) turut mendekati masyarakat dan pelajar sekolah tentang ilmu yang ada di dalam muzium. Antaranya melalui program lawatan berpandu, pameran berkala, bengkel, seminar, forum, latihan, penyelidikan, penerbitan mahupun kembara ilmu yang turut dilaksanakan agar dapat mengembangkan lagi institusi permuziuman kerajaan sebagai sebuah institusi yang menarik untuk terus dikunjungi selaras dengan konsep pendidikan muzium yang bersifat terbuka dan berterusan. Di sinilah terlihatnya kepentingan muzium di Malaysia yang terletak dalam dua bidang utama yang saling memerlukan, iaitu bidang pendidikan dan pelancongan negara.

Antara program yang dirangka termasuklah program bermalam di muzium (*Sleepover @ the Museum*) yang memberikan pengalaman baharu kepada pelancong sekali gus membantu usaha kerajaan meningkatkan jumlah pelancong ke Melaka. Hal ini sedikit banyak memberikan nafas baharu dan pilihan kepada pengunjung untuk mendekati muzium dengan cara yang berbeza daripada biasa.

Selain itu, muzium di Melaka juga turut bergabung dengan pakej dan juga produk pelancongan yang lain selain aktif menyediakan pelbagai pakej ilmiah sebagai kaedah yang berbeza. Aktiviti lawatan ke muzium dan luar bilik darjah yang amat menyeronokkan memberikan kepuasan yang berbeza kepada pelajar berbanding

dengan melawat muzium secara bersendirian atau mengikuti pakej lawatan agensi pelancongan.

Aktiviti kesusasteraan, kraf tangan, masakan, kesenian, permainan tradisional, pengisahan sejarah dan lukisan yang boleh diakses di muzium turut memberikan peluang kepada pelajar untuk menimba pengalaman dalam situasi sebenar dan berpeluang untuk berinteraksi dengan golongan pakar atau individu yang menjadi ikon kepada bidang tertentu.

Di Melaka, trend melawat muzium meningkat pada saban tahun. Pada tahun 2019, jumlah pelawat ke muzium mencatatkan kunjungan sebanyak 878 032 orang berbanding dengan 836 573 orang pada tahun 2018. Namun begitu, pada tahun 2020, berdasarkan situasi semasa pandemik COVID-19, jumlah tersebut berkurangan kepada 181 773 orang (Januari hingga Ogos 2020). Oleh itu, Pelbagai program secara maya telah dilaksanakan bagi meneruskan fungsi dan misi muzium dalam memberikan pengetahuan sejarah dan kebudayaan kepada masyarakat.

Pengalaman melancong melalui subsektor sejarah dan budaya di Melaka bukan sahaja dapat dinikmati melalui kandungan sejarah yang terdapat di dalam muzium yang sedia ada di sekitar Melaka, malah boleh didapati dengan mengunjungi tapak warisan dan juga monumen bersejarah sebagai aset pelancongan Melaka. Tidak hairanlah bagaimana Melaka berjaya disenaraikan sebagai Tapak Warisan Dunia setaraf dengan bandar ternama lain di dunia, antaranya di Salzburg, Austria; Brugge, Belgium; Quebec, Kanada; Valparaiso, Chile; Prague, Republik Czech; Lyons, Perancis; Florence, Itali; Naples, Itali dan Cordoba, Sepanyol.

Selain bangunan muzium yang mempunyai sejarahnya tersendiri, kawasan Sungai Melaka dan Bukit St. Paul turut menjadi tumpuan pelancongan kerana terdapatnya

monumen Gerbang Santiago dan runtuhan Gereja St. Paul yang menjadi bukti kedatangan kuasa Portugis ke Melaka pada tahun 1511. Sebagai pilihan, para pelancong juga boleh berkunjung sendiri ke tapak warisan di sekitar Melaka, antaranya Makam Tun Teja, di Merlimau; Perigi Hang Tuah, Duyong; Makam Nisan Aceh, Bukit Beruang; Makam Tok Senara, Jasin; Kota Bukit Supai, Kuala Linggi; Makam Dol Said, Taboh Naning; Perigi Portugis, Merlimau; Makam Hang Tuah, Tanjung Kling; Makam Datuk Manila, Tengkeria; Makam Sultan Hussein, Tengkeria; Batu Megalith Taboh Naning, Alor Gajah; Perigi Belanda, Alai; Kubur Inggeris, Alor Gajah; dan Makam Sultan Ali, Umbai. Terdapat juga lebih 50 buah masjid warisan dan rumah tradisional yang turut dipulihara bagi tujuan pelancongan di ketiga-tiga buah daerah di Melaka.

Selain itu, pelbagai program dan aktiviti yang berteraskan pemuliharaan warisan dalam bentuk ketara mahupun tidak ketara terus giat dilaksanakan oleh pelbagai pihak terutamanya PERZIM, Jabatan Warisan Negara, Institut Warisan Melaka (INSWA), Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Melaka, serta pelbagai pertubuhan bukan kerajaan.

Kesedaran terhadap pemuliharaan khazanah warisan dan kebudayaan berbilang kaum di Melaka turut menjadi keutamaan kerajaan. Melihat keunikan cara hidup multi etnik di Melaka melalui kebudayaan tidak ketara yang ditampilkan telah diangkat dengan inisiatif pelbagai pihak untuk mengetengahkannya terutamanya yang berkaitan dengan pelancongan negeri agar pertautannya dengan latar belakang sejarah dan kebudayaan pelbagai kaum di Melaka tetap utuh dan bertahan dari generasi ke generasi.

Sebagai contoh, perjuangan memartabatkan warisan dondang sayang sehingga peringkat UNESCO pada tahun 2018 di bawah *Convention*

for the Safeguarding of Intangible Cultural Heritage 2003 telah berjaya membawa seni budaya adat Melayu Melaka ke persada antarabangsa. Hal ini secara tidak langsung membuka mata dunia terhadap keunikan Melaka dan Malaysia khasnya pada peringkat antarabangsa yang secara tidak langsung juga menarik potensi kedatangan pelancong yang ingin melihat persembahan dondang sayang dengan lebih dekat. Begitu juga dengan warisan kebudayaan tidak nyata yang lain termasuk kemahiran kraf tangan, seni tarian, permainan tradisional, masakan tradisi, busana tradisional dan adat resam unik berbilang kaum yang turut menjadi tarikan utama pengunjung ke Melaka.

Tidak dinafikan dalam usaha berhadapan dengan pandemik COVID-19, industri pelancongan terpaksa menerima kesannya. Walau bagaimanapun, dengan perancangan rapi oleh pihak kerajaan dalam menangani isu ini, pelancongan domestik tetap menunjukkan perkembangan yang positif, khususnya selepas kerajaan melonggarkan Perintah Kawalan Pergerakan kepada Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan dengan pelbagai sektor mula menunjukkan perkembangan yang memberangsangkan termasuklah sektor pelancongan negara. Hal ini dikatakan demikian kerana sejarah dan budaya akan terus relevan dan unggul sebagai medium mempromosikan kekayaan sesebuah negeri dengan cara yang perlu diselarikan dengan kehendak semasa, lebih-lebih lagi dalam sektor pelancongan negara. Oleh itu, pengiktirafan dan perhatian yang diberikan oleh kerajaan terhadap kepentingan sejarah dan warisan kebudayaan tempatan haruslah dimanfaatkan dengan sepenuhnya oleh semua pihak yang berkaitan. □